

No. Sebut harga : **P-6/2022 ASET (PERABOT DAN PERALATAN PEJABAT)**

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA**

**PELUPUSAN ASET ALIH**

Kementerian atau Jabatan: **LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA**

1. Tawaran adalah dipelawa dari **syarikat atau orang perseorangan** yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

Bil.	Keterangan aset	Kuantiti	Harga Simpanan (RM)
1.	<b>Aset (Perabot Dan Peralatan Pejabat)</b>	110 Unit	110.00

2. Aset boleh dilihat pada **12 April 2022 hingga 19 April 2022** di antara jam 10.00 pagi hingga 4.00 petang di Ibu Pejabat, Lembaga Lebuhraya Malaysia beralamat di Wisma Lebuhraya, KM.6, Jalan Serdang-Kajang, 43000 Kajang, Selangor (Sila hubungi En. Mohd Zairi di talian 03-8738 2545).
3. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-28) yang boleh diperolehi di alamat seperti di para 4. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.
4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan di tanda No. Sebut harga **P-6/2022 ASET (PERABOT DAN PERALATAN PEJABAT)** dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga di alamat:-

**Bahagian Kewangan & Pengurusan Aset  
Wisma Lembaga Lebuhraya Malaysia,  
KM6, Jalan Serdang-Kajang,  
43000 Kajang Selangor**

5. Tarikh tutup sebut harga pada **20 April 2022 jam 12.00 tengah hari**. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.

(Tandatangan Ketua Jabatan)

Alamat: **IBU PEJABAT  
LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA**  
Tarikh: **KM6 Jalan Serdang-Kajang  
43000 Kajang Selangor Darul Ehsan**  
Tel No : **03-8737 3000**  
Fax No : **03-8737 0822**  
Cop:



## SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM5,000 mengikut mana yang terendah. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk Wang Pos atau Draf Bank sahaja atas nama **KETUA PENGARAH LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA**.
3. Tawaran tanpa/ kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
4. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is basis*).
5. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
7. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahu keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
8. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset tersebut.

Nota : Syarat-syarat sebutharga boleh dipinda mengikut keperluan Kementerian/Jabatan.

